



MAJLIS PELANCARAN BUKU "SMART CITY HANDBOOK: MALAYSIA" OLEH YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Pada 22 Jun 2021, YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia (KPKT) telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Buku "*Smart City Handbook : Malaysia*" secara dalam talian yang merupakan perkongsian maklumat di antara KPKT dengan Kerajaan United Kingdom (UK). Majlis ini turut dihadiri oleh H.E. Charles Hay, TYT Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia.

Penerbitan "*Smart City Handbook : Malaysia*" merupakan inisiatif bagi menyediakan panduan dalam merangka strategi, merancang dan melaksanakan pembangunan bandar pintar melalui perkongsian amalan terbaik dari UK serta peluang untuk mewujudkan jaringan kolaborasi di pelbagai peringkat. Selain itu, dokumen ini juga merupakan salah satu usaha Kerajaan Malaysia dalam merencanakan pembangunan bandar pintar di Malaysia.



Pihak KPKT juga telah membangunkan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia yang berperanan sebagai panduan asas dan rujukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi pelaksana lain untuk melaksanakan inisiatif bandar pintar masing-masing. Pembangunan bandar pintar merupakan salah satu agenda nasional yang akan terus diurusperdanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas. Pembangunan bandar pintar ini juga dikenal pasti sebagai salah satu strategi untuk memastikan Malaysia terus membangun melalui amalan teknologi terbaik dan mampan serta kekal kompetitif dalam mendepani isu seperti pandemik Covid-19.



Sehingga ke hari ini, di bawah Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia; bandar seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Cyberjaya, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Melaka, Pulau Pinang, Ipoh dan Kulim merupakan antara bandar-bandar di Malaysia yang aktif dan terkehadapan dari segi perancangan dan pembangunan bandar pintar. Kepakaran, pengalaman dan cabaran dalam melaksanakan inisiatif bandar pintar di bandarbandar tersebut boleh dikongsi bersama bandar-bandar lain dalam usaha merancakkan inisiatif bandar pintar Negara.

Transformasi ke arah bandar yang pintar dan mampan memerlukan satu usaha berterusan dan komitmen yang tinggi daripada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan, pihak swasta, agensi-agensi bukan Kerajaan dan para pelabur. Justeru itu, pihak KPKT akan terus berperanan sebagai penyelaras dan pemudah cara kepada pelaksanaan bandar pintar di samping sentiasa memberi gambaran peluang yang ada di negara ini.

Dalam hal ini, Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengalu-alukan penyertaan pelabur dari dalam dan luar negara untuk bersama-sama membangunkan bandar pintar Malaysia demi meningkatkan kualiti hidup rakyat di negara Malaysia.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat